

## IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Permohonan adalah dipelawa daripada **WARGANEGARA MALAYSIA** yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan berikut:

JAWATAN KOSONG	
Jawatan/Gred	: <b>PEGAWAI KOMUNIKASI STRATEGIK GRED S51/S52</b>
Kaedah Pelantikan	: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelantikan secara Pertukaran Sementara/ Peminjaman bagi pegawai yang berkhidmat.</li> <li>• Pelantikan secara kontrak (<i>Contract of Service</i>) bagi bukan pegawai awam</li> </ul>
Tempoh	: 1 – 2 tahun
Tempat Bertugas	: Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Kesihatan Malaysia
Jadual Gaji	: RM5,532.00 (Minimum) – RM11,188.00 (Maksimum)
Elaun dan Kemudahan	: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Imbuan Tetap Keraian (ITK) : RM600</li> <li>• Imbuan Tetap Perumahan (ITP) : RM700</li> <li>• Bantuan Sara Hidup (COLA) : RM300</li> </ul>
SYARAT LANTIKAN	
(i) Warganegara Malaysia; (ii) Berumur antara 35 hingga 55 tahun; (iii) Mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Komunikasi, Perhubungan Awam atau yang setaraf dengannya dan diiktiraf oleh Kerajaan. Calon yang memiliki Ijazah Sarjana Muda atau Ijazah Sarjana dalam bidang pendidikan kesihatan adalah digalakkan memohon; dan (iv) Lulus Bahasa Malaysia termasuk Ujian Lisan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.	
KRITERIA TAMBAHAN	
(i) Berpengalaman <b>sekurang-kurangnya 10 tahun</b> dalam bidang komunikasi korporat termasuk dalam sektor kesihatan. (ii) Sekiranya calon daripada sektor swasta, calon mempunyai <b>bukti kejayaan</b> meningkatkan lagi imej korporat syarikat atau organisasi. (iii) Mempunyai <b>daya analitikal yang tinggi</b> mengenai sektor kesihatan dan sumbangan dalam bidang media massa berkaitan sektor kesihatan. (iv) Berkeupayaan untuk <b>bekerja lebih masa</b> dalam persekitaran yang mendesak. (v) Mempunyai <b>reputasi dan hubungan yang baik</b> dengan pengamal media.	
DESKRIPSI TUGAS	
(i) Bertanggungjawab merancang, menganalisis dan menulis artikel mengenai isu-isu berkaitan dasar kementerian dan isu semasa secara proaktif untuk mempromosi dan menjelaskan dasar kerajaan untuk difahami oleh setiap kumpulan sasaran; (ii) Sebagai <i>focal point</i> kementerian/agensi dalam penyampaian dan penyaluran maklumat terutama berkaitan sektor kesihatan ; (iii) Merancang dan melaksanakan aktiviti bagi meningkatkan imej korporat kementerian/agensi; (iv) Mewujudkan <i>engagement</i> yang erat dengan pihak media; (v) Mengurus, memantau dan menyelaras aduan-aduan yang diterima; dan	

(vi) Merancang, menyelaraskan dan menerbitkan bahan-bahan penerbitan kementerian/agensi.

#### **CARA MEMOHON**

- (i) Pemohon perlu mengemukakan resume berserta sekeping gambar pasport (terkini);
- (ii) Pegawai sedang berkhidmat (urusan pertukaran sementara/ peminjaman) hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan serta perlu menyertakan salinan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan dan Kenyataan Perkhidmatan terkini dengan melengkapkan borang seperti dilampirkan; dan
- (iii) Permohonan hendaklah dikemukakan melalui emel ke alamat [azlina.ms@moh.gov.my](mailto:azlina.ms@moh.gov.my)/[hazrulrizal@moh.gov.my](mailto:hazrulrizal@moh.gov.my)

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 30 JUN 2016**

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi pegawai-pegawai di Unit Perkhidmatan Pengurusan Tertinggi & Pakar, Bahagian Sumber Manusia, KKM melalui emel atau talian seperti berikut:

- (i) Puan Azlina Binti Mohd Said / [azlina.ms@moh.gov.my](mailto:azlina.ms@moh.gov.my) /03-88833587
- (ii) Encik Hazrul Rizal Bin Tamidi / [hazrulrizal@moh.gov.my](mailto:hazrulrizal@moh.gov.my) / 03-88832727

***Semua calon akan tertakluk kepada proses tapisan terlebih dahulu. Hanya calon yang berjaya melepasi tapisan akan dipanggil temu duga.***